

KETERANGAN MENGENAI KONVOKESYEN KALI KE-9 INSTITUT TEKNOLOGI PERAK

1. BUTIRAN MAJLIS KONVOKESYEN

Butiran Majlis Konvokesyen Kali Ke-9 adalah seperti berikut:

Tarikh	: 04 Mei 2019
Hari	: Sabtu
Masa Pendaftaran	: 7.30 pagi (sesi pagi) dan 12.30 tengahari (sesi petang)
Tempat	: Dewan Bankuet, Hotel Impiana Ipoh

2. KEHADIRAN GRADUAN

- 2.1. Pengurniaan Diploma hanya akan diberikan kepada graduan yang hadir di Majlis Konvokesyen.
- 2.2. Adalah mustahak bagi Institut Teknologi Perak mengetahui dengan tepat bilangan graduan yang hadir sebelum istiadat berlangsung.
- 2.3. Pihak Institut berhak membatalkan nama pelajar dari senarai graduan sekiranya didapati pelajar gagal memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak Institut.
- 2.4. Graduan tidak dibenarkan menangguhkan Majlis Konvokesyen atau mewakili kepada orang lain bagi menghadiri Majlis Konvokesyen.

3. ETIKA PAKAIAN GRADUAN & IBU-BAPA

Semua graduan yang menghadiri Majlis Konvokesyen hendaklah berpakaian seperti berikut:

Graduan Lelaki

- Kemeja lengan panjang (putih) dan slack (warna hitam/ gelap) berserta tali leher
- Graduan dikehendaki memakai kasut hitam/ gelap dan bersesuaian untuk majlis rasmi
- Bagi Graduan program kemahiran (SKM/DKM), dikehendaki memakai songkok hitam semasa majlis berlangsung. Songkok hendaklah disediakan oleh pihak graduan.
- Graduan lelaki hendaklah **berambut pendek dan kemas**, serta **tidak mewarnakannya** (rambut tidak mencecah kolar baju).

Graduan Perempuan

- Pakaian graduan wanita ialah PAKAIAN BAJU KURUNG, PAKAIAN KEBANGSAAN ATAU PAKAIAN RASMI LABUH WARNA BEBAS. **Kadar labuh ialah sehingga ke bahagian buku lali (ankle) dan tidak berbelah di kiri kanan atau depan dan belakang.**
- Baju hendaklah tertutup hingga ke pangkal leher di bahagian hadapan dan belakang serta berlengan panjang hingga ke pergelangan tangan.
- Pakaian daripada kain jenis jarang (nipis) adalah dilarang.
- Pakaian berbentuk **seluar adalah tidak dibenarkan.**
- Graduan wanita **dikehendaki memakai kasut hitam/ gelap bertutup penuh yang bersesuaian, menutupi dari hadapan kaki hingga tumit kaki (cover shoes).** Selipar ataupun sandal adalah **dilarang sama sekali.**
- Graduan tidak dibenarkan mewarnakan rambut.

Ibu-bapa / Jemputan

Lelaki

- Baju Melayu Kebangsaan bersampin/batik/sut panjang (lounge suit).
- Kemeja lengan panjang/pendek berkolar dan seluar panjang/slack.
- Kasut yang bertutup.
- Kemeja-T, seluar jeans/seluar pendek, selipar dan sandal **tidak dibenarkan**.

Perempuan

- Pakaian kebangsaan bersopan.
- Blaus lengan panjang dan hendaklah bertutup hingga ke pangkal leher dibahagian depan dan belakang.
- Seluar/kain mestilah labuh sehingga ke paras buku lali (ankle).
- Blaus tanpa lengan dan seluar/kain yang tidak melepasi paras buku lali/seluar jeans **tidak dibenarkan**.

PERINGATAN :

Majlis Konvokesyen ini adalah satu upacara rasmi dan graduan diingatkan supaya mematuhi peraturan pakaian seperti dinyatakan di atas. **Para graduan yang tidak mematuhi peraturan pakaian boleh hadir ke majlis tetapi tidak akan dibenarkan berarak atau naik ke pentas untuk upacara pengurniaan Diploma/Sijil.**

**** (UNTUK DIMAKLUMKAN OLEH GRADUAN KEPADA TETAMU YANG DIJEMPUT UNTUK MEMASUKI DEWAN BANKUET)**

Tetamu adalah dinasihatkan untuk mematuhi etika pakaian yang telah ditetapkan sebagai salah satu tanda penghormatan kepada tetamu yang lain dan majlis konvokesyen secara amnya. Kegagalan dalam mematuhi etika pakaian yang ditetapkan akan menyebabkan tetamu tersebut tidak dibenarkan memasuki Dewan Bankuet oleh petugas sambutan.

Nota: Petugas Sambutan akan berada di semua pintu masuk tetamu bagi memastikan etika pakaian ini dipatuhi oleh tetamu.

Harap Maklum.

4. CARA PENGURNIAAN

Graduan akan menerima folder masing-masing secara individu di atas pentas daripada **Tetamu Kehormat**.

5. BUTIRAN TAKLIMAT & RAPTAI

Butiran Taklimat dan Raptai adalah seperti berikut:

Tarikh	: 03/05/2019
Hari	: Jumaat
Masa	: 2.45 petang
Tempat	: Dewan Bankuet, Hotel Impiana Ipoh

Para graduan adalah dijemput menghadiri taklimat dan raptai ini supaya acara konvokesyen dapat dijalankan dengan sempurna dan lancar.

6. PERARAKAN GRADUAN PADA HARI KONVOKESYEN

6.1 Graduan yang hadir untuk majlis tersebut hendaklah **mendaftarkan diri di Tingkat 1 pada masa berikut:**

Sesi pagi

Pendaftaran : 7.30 pagi – 8.30 pagi
Perarakan : 9.15 pagi

Sesi Petang

Pendaftaran : 12.30 tengahari – 1.30 petang
Perarakan : 2.15 petang

- 6.2 Graduan diingatkan supaya berkumpul pada masa dan tempat yang ditetapkan bagi mengelakkan kesesakan lalu-lintas menuju ke Hotel Impiana Ipoh dan memenuhi arahan-arahan daripada pegawai-pegawai yang bertugas.
- 6.3 Graduan yang tiba lewat, iaitu selepas perarakan masuk ke dalam Dewan konvokesyen dimulakan, **TIDAK** dibenarkan memasuki Dewan Konvokesyen.

7. UNDANGAN IBU-BAPA

- 7.1 Para graduan yang menghadiri Majlis Konvokesyen dibenarkan membawa **dua (2)** orang tetamu.
- 7.2 Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun **tidak dibenarkan** masuk ke dalam Dewan Bankuet, semasa Majlis Konvokesyen berlangsung.
- 7.3 Sila maklumkan kepada tetamu graduan bahawa mereka tidak dibenarkan untuk keluar atau masuk ke Dewan Bankuet sepanjang Istiadat Konvokesyen sedang berlangsung sehinggalah ianya selesai. Sebarang bentuk makanan atau minuman adalah tidak dibenarkan di bawa masuk ke dalam Dewan Bankuet.

8. GAMBAR

- 8.1 Ibu-bapa diingatkan agar **tidak membawa masuk** kamera atau sebarang alat multimedia untuk mengambil gambar semasa acara sedang berlangsung
- 8.2 Pihak kami juga ada menyediakan studio foto bagi memudahkan graduan bergambar dengan ahli keluarga, rakan-rakan ataupun secara individu.

9. ALUMNI/TRACER STUDY

- 9.1 Bagi graduan program Homegrown anda dikehendaki mengisi secara atas talian borang alumni dan Tracer Study di laman sesawang **itp.edu.my** dan graduan dikehendaki untuk mengisi kedua-dua boring tersebut sebelum mengambil jubah.

9.1.1 Sistem Tracer Study hanya boleh dilayari bermula pada **APRIL 2019**.

- 9.2 Bagi graduan program Sijil Kemahiran, Diploma Kemahiran, Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Teknologi Mara anda hanya dikehendaki mengisi borang Alumni sahaja.

10. PENGAMBILAN DAN PEMULANGAN JUBAH

- 10.1 Graduan boleh mengambil jubah pada **3/5/2019** di **Hotel Impiana** dan memulangkan semula jubah pada **4/5/2019** di **Hotel Impiana** setelah tamat majlis.
- 10.2 Graduan dikehendaki membayar sejumlah **RM150.00** sebagai deposit jubah semasa pengambilan jubah dan bayaran akan dibuat kepada pihak vendor jubah. Deposit ini akan dipulangkan semula setelah graduan memulangkan jubah kepada vendor.